



MISI Perkasa Bakat dengan Kemahiran Menyelenggara dan Membaiki Dron

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2025 – Malaysian Indian Skills Initiative (MISI) meneruskan matlamat untuk memperkasa bakat komuniti India tempatan dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran bernilai tinggi melalui **Program Kecekapan Penyelenggaraan dan Pembaikan Dron**. Sesi latihan yang diadakan bermula 16 hingga 20 Februari 2025 di Institut Latihan Perindustrian Perai, Perai, Pulau Pinang tersebut bertujuan untuk merapatkan jurang industri dengan mempersiapkan peserta untuk peluang menjana pendapatan dalam sektor dron yang berkembang pesat.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan, sekali gus menunjukkan permintaan yang semakin meningkat terhadap latihan dron yang khusus selain membuktikan komitmen kerajaan dalam meningkatkan kemahiran bakat bangsa India di Malaysia untuk kerjaya masa hadapan.

Sebagai satu inisiatif di bawah **Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Human Resource Development Corporation (HRD Corp)**, MISI telah berjaya menarik lebih 6,000 peserta untuk mendaftar dalam bidang-bidang yang tinggi permintaannya seperti Kecerdasan Buatan, pertanian pintar dan teknologi dron sejajar dengan keperluan industri terhadap tenaga mahir.

Dengan industri dron yang semakin berkembang pesat dalam sektor pembinaan, pertanian, infrastruktur serta perlombongan, pakar penyelenggara dan pengendali dron yang bertauliah mampu untuk mengakses peluang pekerjaan yang lebih baik, berpendapatan lebih tinggi di samping mempunyai peningkatan kerjaya yang lebih luas.

Latihan selama lima hari (40 jam), yang diperakui oleh The Institute of Drone Technology (IDT), Australia, memberi peserta pengalaman secara langsung dalam pembaikan, penyelenggaraan serta operasi dron autonomi, memastikan mereka memenuhi piawaian keselamatan industri global.

UNTUK SIARAN SEGERA

Seorang daripada peserta, R. Narrendra, 20 turut melahirkan penghargaan terhadap inisiatif tersebut dengan mengatakan inisiatif seumpama ini mampu memperkasakan tenaga kerja untuk berada di barisan hadapan inovasi.

"Teknologi dron sedang membentuk masa depan pelbagai industri, dan dengan penggunaan dron yang meluas dalam sektor pertanian serta perkhidmatan pemantauan, pensijilan ini memberi saya kelebihan daya saing dalam mendapatkan pekerjaan," katanya.

Seorang lagi peserta turut menyatakan keterujaannya terhadap program ini. K. Nalan, 20, yang sedang meneroka pilihan kerjaya berkata, program berkenaan membuka peluang baharu untuk meneroka pekerjaan dalam sektor teknologi.

"Saya sangat teruja dengan peluang ini. Terima kasih Kerajaan Madani." Tambahnya.

Dron, atau kenderaan udara tanpa pemandu (UAV), sedang merevolusikan operasi perniagaan dengan meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos, dan mempertingkatkan keselamatan.

Program ini bukan sahaja melatih peserta dalam penyelenggaraan serta pembaikan dron tetapi juga membekalkan mereka dengan pengetahuan penting mengenai operasi dron autonomi – memastikan mereka sentiasa berada di hadapan dalam landskap teknologi yang semakin berkembang.

Selain daripada program latihan dron yang telah diadakan baru-baru ini di Institut Latihan Perindustrian Perai, Pulau Pinang, terdapat lebih banyak sesi latihan dron dan program khusus industri yang akan datang. Ini termasuk Latihan Solekan Kesan Khas Profesional (VFX) untuk Filem dan Televisyen, IoT untuk Freelancer: Inovasi dan Menjana Pendapatan dengan Penyelesaian Pintar, serta pelbagai peluang latihan menarik lain untuk melengkapkan bakat dengan kemahiran berdaya saing, sekali gus membuka peluang kerjaya dan sumber pendapatan baharu dalam pelbagai industri.

Impak MISI melangkaui aspek pekerjaan, merangkumi keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat serta kemajuan kerjaya, memastikan kejayaan jangka panjang bagi masyarakat India Malaysia. Dengan memperkasakan individu, terutamanya mereka yang berpendidikan menengah atau lebih rendah, inisiatif ini sejajar dengan matlamat MISI untuk memperkasa masyarakat India Malaysia melalui pembangunan kemahiran, pembelajaran sepanjang hayat, dan peluang pekerjaan.

-TAMAT-

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.